



03 APR, 2025

Bekalan tenaga negara masih stabil

Kosmo, Malaysia



Bekalan tenaga negara masih stabil

● **Petronas akan cari jalan bekalkan gas ke Semenanjung**

● **Letupan tidak jejaskan kabel elektrik**

+ Oleh CHERINE JON

KUCHING – Bekalan tenaga di Semenanjung Malaysia setakat ini tidak terjejas, meskipun berdepan tempoh yang kritikal susulan kejadian letupan saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya kelmarin.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, walaupun sebahagian daripada jumlah jana kuasa di Semenanjung menggunakan gas, namun laporan diterima setakat ini menunjukkan bekalannya masih stabil.

“Sebahagian daripada jana kuasa kita adalah menggunakan gas dan apabila berlaku kebocoran, sebahagian saluran dan aliran gas harus ditutup, jadi ia mungkin akan menjejaskan bekalan tenaga.

“Tetapi laporan yang saya terima setakat ini, alhamdulillah (masih stabil),” katanya ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri di sini semalam.

Sehubungan itu, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air berkata, kementerianannya akan mencari langkah bagi mengatasi sekiranya gas tidak dapat dibekalkan kepada jana kuasa yang terlibat.

“Petronas akan mencari jalan untuk membekalkan gas dan langkah seterusnya yang kita ambil adalah untuk menghidupkan jana kuasa lama yang tidak menggunakan gas untuk memastikan bekalan tenaga khususnya di Lembah Klang tidak terjejas,” katanya.

Selain itu, Fadillah berkata, letupan susulan kebakaran saluran paip gas itu juga tidak menjejaskan kabel elektrik di kawasan berkenaan.

Sementara mengenai dakwaan punca kejadian disebabkan oleh kerja menanam cerucuk, beliau menyerahkan perkara itu untuk siasatan pihak yang berkaitan.

“Biarlah siasatan tersebut diselesaikan, saya tidak mahu mengandaikan sehinggalah siasatan selesai dilaksanakan,” katanya.

“Biarlah siasatan tersebut diselesaikan, saya tidak mahu mengandaikan sehinggalah siasatan selesai dilaksanakan,” katanya.

“Biarlah siasatan tersebut diselesaikan, saya tidak mahu mengandaikan sehinggalah siasatan selesai dilaksanakan,” katanya.



ANGGOTA bomba menjalankan pemeriksaan ke atas kediaman dan kenderaan penduduk bagi memastikan tahap keselamatan di Kampung Kuala Sungai Baru, Puchong semalam. – AMIR KHALID